

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk mendokumentasikan tumbuh-tumbuhan yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli yang dikaji, di samping melihat variasi dari segi spesies dan penggunaan tumbuhan tersebut di kalangan suku kaum yang berbeza dan juga faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah penggunaan tumbuhan di setiap tapak kajian.

Kajian ini dijalankan di tujuh tapak kajian dengan enam suku kaum yang berbeza iaitu Perkampungan Orang Asli Musoh (Semai), Perkampungan Orang Asli Gedong (Semai), Perkampungan Orang Asli Kemar (Temiar), Perkampungan Orang Asli Air Bah (Lanoh), Perkampungan Orang Asli Aring (Batek), Perkampungan Orang Asli Peta (Jakun) dan Perkampungan Orang Asli Fort Iskandar (Semelai).

Hasil kajian menunjukkan sebanyak 315 spesies telah direkodkan dan jumlah keseluruhan kutipan adalah sebanyak 508. Sembilan puluh dua kutipan tumbuhan telah diperolehi di Musoh, 94 di Gedong, 61 di Kemar, 68 di Air Bah, 79 di Aring, 80 di Peta dan 34 di Fort Iskandar.

Tumbuh-tumbuhan berguna ini telah dikelaskan kepada empat kategori iaitu sebagai tumbuhan makanan, perubatan, pertukangan/pelbagaiguna dan kepercayaan. Sebanyak 131 spesies digunakan sebagai makanan, 142 spesies digunakan untuk perubatan, 86 spesies digunakan untuk pertukangan dan pelbagaiguna dan 36 spesies untuk kepercayaan.

Sebahagian besar daripada spesies tumbuhan makanan direbus ataupun dibakar sebelum dimakan ataupun dimakan mentah. Bahagian tumbuhan yang digunakan ialah daun, ubi, rizom dan buah. Ia samada direbus, disalai atau dilumatkan sebelum digunakan.

Bagi kategori pertukangan dan pelbagaiguna, bahagian tumbuhan yang digunakan ialah batang, daun, buah dan bunga. Bahagian daun, ubi dan rizom tumbuhan digunakan untuk kategori kepercayaan.

Hasil kajian juga mendapati tiada spesies yang digunakan untuk ke empat-empat kategori. Sebahagian besar daripada tumbuhan makanan dan pertukangan/ pelbagaiguna adalah sama dari segi spesies dan cara penyediaannya di ketujuh-tujuh tapak kajian. Bagi tumbuhan perubatan, hampir keseluruhan spesies, cara penyediaannya dan jenis penyakit yang dirawat adalah berbeza di kalangan masyarakat yang dikaji. Spesies tumbuhan yang digunakan untuk kepercayaan adalah berbeza.

Faktor-faktor mengenai jumlah hutan yang terdapat di persekitaran kawasan penempatan, implikasi yang timbul daripada aktiviti pembukaan hutan, pengambilan sumber tumbuhan secara berlebihan, pembinaan jalan, pelancongan dan pertukaran kepercayaan telah mempengaruhi jumlah spesies tumbuhan yang digunakan.

Secara keseluruhan, masyarakat Orang Asli yang dikaji ini sedang mengalami perubahan dari segi cara hidup tradisional kepada cara hidup yang lebih maju dan jumlah tumbuhan yang digunakan di dalam kehidupan sehari-hari menjadi semakin berkurangan.

ABSTRACT

The main objective of this research is to document the useful plants used by Aboriginal communities. This study also examined the variation of species and the uses among the different ethnic groups and also the factors which influence the amount of plants used at each study site.

This project was carried out at seven study sites with six different ethnic groups, namely Perkampungan Orang Asli Musoh (Semai), Perkampungan Orang Asli Gedong (Semai), Perkampungan Orang Asli Kemar (Temiar), Perkampungan Orang Asli Air Bah (Lanoh), Perkampungan Orang Asli Aring (Batek), Perkampungan Orang Asli Peta (Jakun) and Perkampungan Orang Asli Fort Iskandar (Semelai).

Results show a total of 315 species of useful plants (508 collections). Ninety two collections were found at Musoh, 94 at Gedong, 61 at Kemar, 68 at Air Bah, 79 at Aring, 80 at Peta and 34 at Fort Iskandar.

The plants were divided into four categories as food, medicinal purposes, technology/multipurpose and ritual. One hundred and thirty one species were used as food, 142 species for medicinal purposes, 86 species for technology/multipurpose and 36 species for ritual.

Most of the food species were boiled or heated over the fire before consumption or eaten raw. The parts of plants used are leaf, tuber, rhizome and fruit. For medicinal plants, they used the root, leaf, rhizome and tuber, which are boiled, heated over a fire or

pounded before use. For the technology/multipurpose category, parts of plants used are stem, leaf, fruit and flower. The leaf, tuber and rhizome of plants were used for rituals.

Results also show that no species is used for all four categories. Among the seven study sites, most of the food and technology/multipurpose plants are similar in species and also in the method of preparation. In medicinal category, almost for all species recorded, the method of preparation and the kind of diseases treated are different among the communities. The species used for ritual are also different for different purposes.

Various factors such as amount of forest around their site, implications from deforestation activities, over exploitation of the forest resources, road building, tourism and changing beliefs influenced the number of plant species used.

The overall results show that Aboriginal communities are slowly changing from traditional to modern life styles and the usage of plants in their daily lives has become reduced.